

15/09/2003

Agro Park mampu tambah pelancong ke Melaka

Daud Awang

MELAKA pasti mempunyai tarikan terbaru apabila Taman Pertanian (Agro Park) di Sungai Udang dibuka kepada orang ramai tidak lama lagi.

Kerja menaik taraf fasa pertama kini 98 peratus siap dan kerja pada peringkat terakhir sedang dilakukan sebelum perasmianya disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dijadualkan akhir bulan ini.

Projek pertanian di kawasan seluas 69.2 hektar membabitkan anggaran perbelanjaan RM2 juta itu dibangunkan secara berperingkat meliputi tiga fasa dan dijangka siap sepenuhnya September tahun depan.

Apabila dibuka kelak, orang ramai dibenarkan membawa kenderaan untuk masuk ke Agro Park itu bagi melihat produk pertanian yang disediakan. Ia dibuka mulai jam 9 pagi hingga 7 malam setiap hari.

Antara produk menarik yang boleh dilihat di taman pertanian itu termasuk burung unta, pelbagai jenis buah-buahan tropika, ulam-ulaman, ternakan kambing, arnab, itik dan ayam.

Sebelum ini, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dipetik berkata, kerajaan negeri melalui Syarikat Pembangunan Pertanian Melaka Sdn Berhad (SPPMSB) mengambil alih taman pertanian itu dan membenarkan orang ramai menggunakan kenderaan mengunjunginya.

Beliau berkata, langkah itu membolehkan orang ramai menikmati buah-buahan tropika yang ditanam di dalamnya selain melihat pemandangan yang menarik di sekitarnya.

Beliau berkata, langkah itu selaras dengan usaha kerajaan memperkenalkan subsektor pelancongan berasaskan egro-tourism kepada pelancong asing dan tempatan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Desa dan Pertanian negeri, Datuk Ibrahim Durum, berkata pembangunan taman pertanian itu mengikut konsep di Thailand, Indonesia dan Australia.

Katanya, melalui konsep itu, setiap pengunjung diberi peluang memetik buah-buahan dan memakan sepuas-puasnya dan boleh dibawa pulang dengan kadar bayaran tertentu.

"Jika tiba musim buah-buahan, pengunjung boleh memetik dan makan di bawah pokok sebanyak mana yang mereka mampu.

"Jika mereka ingin membawa pulang, harga yang dikenakan lebih murah berbanding harga pasaran," katanya.

Beliau berkata, jika di luar musim buah-buahan, pengunjung boleh menggunakan taman pertanian itu untuk beriadah sama ada berjoging atau berbasikal.

"Kita juga akan membina kolam renang, padang permainan, pondok rehat, surau, restoran untuk kemudahan pengunjung dalam program pembangunan fasa dua," katanya.

Beliau berkata, program pembangunan taman pertanian itu mengikut cita rasa kanak-kanak, orang dewasa lelaki dan wanita.

"Dengan memenuhi kriteria ini, kita berharap pengunjung rasa berbaloi dengan apa yang mereka belanjakan," katanya.

Ibrahim berkata, setakat ini kerajaan negeri belum menetapkan kadar bayaran ke atas pengunjung.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan negeri memberi jaminan kadar yang dikenakan itu tidak membebankan pengunjung sebagai galakan kepada mereka untuk terus mengunjungi taman pertanian berkenaan.

Mengenai ternakan di taman berkenaan, beliau berkata, semua ternakan dibiarkan bebas di sekitar Agro Park untuk memberi suasana unik kepada pelancong.

"Konsep Agro Park ini mirip mini safari tetapi pihak pengurusan tidak menempatkan hidupan liar di situ kecuali ternakan dan haiwan peliharaan

yang jinak," katanya.